



**PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**KENYATAAN TENDER TERBUKA MELALUI PRA-KELAYAKAN
PERKHIDMATAN PERUNDING**

PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan mempelawa firma-firma perunding yang berminat dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan untuk menyertai tender terbuka melalui pra-kelayakan bagi pelaksanaan projek seperti berikut:-

**PENENTUAN SEMPADAN KAMPUNG DAN PENANDAAN KEDUDUKAN SPATIAL
KEMUDAHAN AWAM KAMPUNG DI SEMENANJUNG MALAYSIA DAN LABUAN**

Syarat Mandatori:-

1. Firma berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam bidang 330206 (Perancang Bandar dan Wilayah) yang masih sah pendaftaran;
2. Firma berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan bertaraf 'Sendirian Berhad'; dan
3. Firma mempunyai modal berbayar sebanyak RM100,000.00 dan ke atas.

Syarat-syarat, Arahan dan Maklumat Lanjut mengenai pelawaan ini adalah dijelaskan dalam dokumen pelawaan dan boleh diperolehi di kaunter Seksyen Kewangan, PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia), Jalan Cenderasari, 50646 Kuala Lumpur bermula pada 28 November 2017 sehingga 11 Disember 2017. Dokumen Pelawaan adalah dijual dengan kadar RM50 bagi setiap satu (1) set.

TEMPAT SERAHAN DOKUMEN ADALAH DI TEMPAT YANG SAMA

Cadangan teknikal hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan ditandakan 'Cadangan Teknikal Pra-Kelayakan' di sebelah kiri sampul surat berkenaan dan dialamatkan kepada;

Ketua Pengarah,
PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia),
Jalan Cenderasari,
50646 Kuala Lumpur.

Cadangan Teknikal tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Pelawaan Tender Terbuka Melalui Pra Kelayakan seperti alamat di atas **tidak lewat daripada jam 12.00 tengahari pada 11 Disember 2017**. Dokumen Cadangan Teknikal yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

Firma Perunding yang berminat adalah dijemput hadir ke sesi taklimat yang akan diadakan pada **30 November 2017 (Khamis), Jam 9.30 pagi** bertempat di **Bilik Mesyuarat Tingkat 20, Unit Penyelarasan Projek, PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa), Wisma Tun Sambanthan, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.**